

Era baru hubungan Malaysia-Jordan

UM-12/9/2006

AMMAN 11 Sept. - Jordan hari ini berkata ia sudah bersedia untuk berbincang dengan Malaysia tentang cara untuk membawa era baru dalam hubungan antara mereka, yang mencerminkan secara positif pembangunan ekonomi dan sosial kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Dr Marouf Al Bakhit berkata, banyak bidang kerjasama terbuka luas kepada kedua-dua negara untuk dimulakan dan berinteraksi bagi keuntungan bersama rakyat kedua-dua negara.

Lawatan rasmi tiga hari Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail ke Jordan merupakan satu penghormatan kepada langkah pengukuhan hubungan dua hala itu, katanya pada majlis makan tengah hari sempena menyambut kehadiran rombongan Diraja Malaysia yang tiba ke sini semalam.

Turut mengiringi Yang di-Pertuan Agong ialah Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique dan Duta Besar Malaysia ke Jordan, Hasnuddin Hamzah.

Tuanku Syed Sirajuddin kemudiannya mengadakan pertemuan dengan pasukan kementerian ekonomi Jordan, diikuti dengan taklimat oleh wakil Aqaba Special Economic Zone Authority (ASEZA).

ASEZA mengendalikan Zon Ekonomi Khas Aqaba (ASEZ), yang merupakan pembangunan pelancongan yang diterajui sektor swasta di Laut Merah, dilengkapi dengan kawasan membeli belah bebas cukai yang ditempatkan di tengah kawasan mewah.

Terdahulu Tuanku Syed Sirajuddin dan Tuanku Fauziah melawat Gua Ashabul Kahfi di kawasan selatan pinggir Amman.


Dengan diiringi Menteri Awqaf dan Hal Ehwal Islam Jordan Abdul Fattah Salah, rombongan baginda dibawa melawat gua itu selama kira-kira 30 minit.

Menurut legenda, sekumpulan pemuda berjaya melarikan diri daripada pemimpin jahiliah lalu tertidur di dalam gua dan dengan kuasa tuhan, mereka tidur selama 309 tahun.

Mereka terjaga dari tidur yang panjang itu selepas komuniti serta pemimpin di kawasan tersebut sudah beriman kepada Allah.

Tuanku Syed Sirajuddin kemudiannya dibawa ke Citadel, kawasan pekan lama yang dibina di puncak bukit Amman, sebelum melawat Muzium Automobile Diraja.

Muzium itu membawa pelawat meninjau sejarah Kerajaan Hashemite Jordan menerusi pameran kereta dari era Raja Abdullah I, pengasas kerajaan itu, sehingga zaman Raja Abdullah II.



TUANKU Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail (dua dari kiri) diberi penerangan mengenai kenderaan model HEL-KART buatan tahun 1960 oleh Pengarah Muzium Automobil, Raja Gharghour (kiri) sewaktu melawat muzium tersebut di Amman, Jordan, semalam.

Satu bahan pameran utama adalah kereta Lincoln Capri 1952 yang digunakan oleh Almarhum Raja Hussein semasa baginda belajar di England dan pertabalannya pada Mei 1953.

Satu lagi bahan pameran adalah kereta pacuan roda hadapan Cord 810 tahun 1936 yang merupakan hadiah perkahwinan pada tahun 1955.

Sementara itu dalam program berasingan, Tuanku Fauziah melawat Pusat Keluarga dan kanak-kanak Queen Rania di Jabal Al Nasir.

Pusat itu menyediakan perkhidmatan dan sokongan kepada kanak-kanak dan keluarga bernasib malang, bagi mengelak mereka daripada didera atau dipinggirkan masyarakat.

Baginda juga dibawa melawat Yayasan Jordan River Foundation, sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang bekerja keras dalam usaha memperkasakan wanita dan kanak-kanak, di samping meningkatkan kualiti hidup serta masa depan rakyat Jordan.

- Bernama